

# **ISLAM DAN KEARIFAN TEMPATAN DI ALAM MELAYU: ANALISIS KRITIKAL (ISLAM AND LOCAL WISDOM IN THE MALAY WORLD : CRITICAL ANALYSIS)**

<sup>1</sup>Rahimin Affandi Abd. Rahim, <sup>2</sup>Ruzman Md. Nor,  
<sup>3</sup>Nor Hayati Bt Md Dahlal & <sup>4</sup>Norafifah abd Hamid  
<sup>1,2</sup>Universiti Malaya  
<sup>3</sup>UiTM Pulau Pinang  
<sup>4</sup>UiTM Melaka  
(faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my, ruzman@um.edu.my)

## **Abstract**

Before the advent of Islam, Malay societies professed animism. This situation changed after the advent of Islam that brought the concept of Tawhid (monotheism) by denying the existence of polytheism. Starting with the concept of the oneness of God and the worship of Islam has attracted wide interest in the local community. Since the advent of Islam, the Malay customs which contradicted Islam were gradually abandoned. This article will discuss the theoretical concept of Islam and local wisdom in the Malay world. On this basis, this paper had focus on a several aspects, namely the basic concept of local wisdom, Islam and Malay strengthening local wisdom.

*Keyword: Local wisdom, Malay world, Malay Polinensia, Working Ethos, Malay Leadership*

## **Pengenalan**

Pada dasarnya artikel ini cuba mengulas tentang peranan Islam di dalam membentuk kearifan tempatan di kalangan masyarakat Melayu di rantau Alam Melayu. Rantau Alam Melayu ini telah menjadi suatu kawasan penting dalam peta dunia sejak zaman berzaman. Terdapat tipologi yang membahagikan ras bangsa masyarakat dunia kepada lima jenis iaitu Caucasian (kulit putih), Negroid (kulit hitam), Mongolian (kulit kuning), Red Indian (kulit merah) dan Melayu Polinensia (kulit sawo matang).<sup>1</sup> Dalam kerangka pembahagian ini ras Melayu Polinensia telah digunakan dengan merujuk kepada ras yang mendiami kawasan Nusantara yang merangkumi Gugusan Kepulauan Melayu termasuk Borneo, Polinensia dan Madagaskar.<sup>2</sup> Sarjana Barat semasa telah memperkenalkan

kawasan rantau Alam Melayu sebagai suatu kawasan penting dan eksklusif di dalam kerangka kajian *regional studies* untuk subjek kawasan (geografi) masyarakat Islam. Ianya dibezakan dengan kawasan Timur tengah, Indo-Pakistan, Afrika, Eropah dan Amerika utara.<sup>3</sup> Penetapan kawasan rantau Alam Melayu (*Malay Achipleago*) yang berbeza dengan kawasan lain dibuat berasaskan kepada pelbagai elemen persamaan yang membabitkan pelbagai kawasan, Indonesia, Malaysia dan Borneo.<sup>4</sup>

Rantau Alam Melayu ini bukan setakat dicirikan sebagai kawasan yang memiliki hasil bumi yang berharga, tetapi juga sebagai kawasan yang memiliki keunikan dari segi kearifan tempatan yang membezakannya dengan kawasan umat Islam yang lain.<sup>5</sup> Pada masa sekarang, banyak daripada formula dan paradigma masyarakat Melayu di sebelah Timur ini telah mula dipelajari kekuatannya oleh masyarakat luar,<sup>6</sup> termasuklah masyarakat Barat.<sup>7</sup> Hal ini merangkumi model Institusi Pengajian Tinggi yang diamalkan,<sup>8</sup> formula toleransi hidup bermasyarakat yang bersifat plural,<sup>9</sup> formula Hak asasi manusia<sup>10</sup> dan alam sekitar,<sup>11</sup> formula menghadapi cabaran globalisasi,<sup>12</sup> pola kesantunan<sup>13</sup> dan amalan beragama.<sup>14</sup>

Jadi, berasaskan kepada latar belakang ini, artikel ini akan cuba menganalisis konsep kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu, khususnya yang mempunyai perkaitan dengan agama Islam. Terpenting sekali, artikel ini akan cuba memetik beberapa contoh daripada formula kearifan tempatan yang dapat digunakan untuk konteks dunia moden.

### **Konsep Asas Kearifan Tempatan**

Kearifan tempatan bukanlah membawa maksud *local genius* (kepandaian tempatan) yang kerap digunakan oleh sarjana Barat. Perkataan "arif" ini membawa maksud mengetahui secara mendalam ataupun bijaksana kerana didasarkan kepada pemikiran yang mendalam. Ianya biasa digunakan untuk melambangkan kebijaksanaan seseorang yang mencapai *maqam al-Arifin*. Antaranya, seseorang yang berilmu dan mendapat maklumat yang benar bagi setiap maklumat yang diperolehi perlu berasaskan sumber yang betul dan tepat ataupun ianya mestilah bersifat hakiki, iaitu tidak ada unsur keraguan dan syak wasangka. Seandainya sesuatu maklumat itu tidak benar, ianya bakal menjatuhkan martabat ilmu tadi dan boleh mengakibatkan kekacauan dalam pemikiran seseorang.<sup>15</sup>

Konsep kearifan tempatan ini bersesuaian dengan beberapa teori utama; *Pertama*, setiap manusia memiliki keupayaan akal untuk membina tamadun sendiri. Ia memerlukan elemen bantuan pengaruh asing atau sumber daripada luar diri manusia dan akal untuk maju. Ia membabitkan ilham dan *laduni* daripada Allah. Disini letaknya peranan Allah dalam membekalkan akal dan alat (alam dan makhluk tunduk kepada manusia) untuk membantu manusia membangunkan tamadun. Seperti mana halnya direkodkan peranan Hims (nabi Allah Idris) dalam mengajar pelbagai ilmu kepada manusia awal sehingga menjadi asas tamadun awal timur tengah. Apa yang jelasnya, proses berfikir memerlukan input dan sumber serta alat bagi membolehkan manusia berfikir dengan baik.

Campuran antara akal dan hubungan dengan Allah (sumber tasawuf) akan melahirkan kebijaksanaan kepada manusia.

**Kedua**, manusia Melayu amat terhutang budi dengan ajaran Islam yang memperkenalkan secara langsung elemen epistemologi ilmu ini. Ia menyebabkan proses pencarian dan pengembangan pelbagai keilmuan Melayu-Islam menjadi semakin pesat, sehingga mengenali konsep sebenar kearifan tempatan. Hal ini dijelaskan oleh S.M. Naquib al-Attas dengan: “*di situ ditegaskan sebagai prinsip utama akidah Islamiah adalah: 1. Hakikat segala perkara itu sabit adanya dan pengetahuan mengenainya dapat dicapai sebenarnya, bersalahan dengan kaum Sufastaiyah; 2. Segala perkara yang menghasilkan ilmu bagi makhlukat itu tiga perkara; (i) pancaindera yang lima, (ii) khabar sadiq, yakni berita yang benar yang terbahagi kepada dua; (a) khabar mutawatir, dan (b) khabar yang datang daripada Rasulullah, dan (iii) akal. Adapun ilmu yang dicapai melalui akal ini terbahagi pula kepada dua; (a) ilmu badihi atau daruri yang tidak memerlukan bukti atau hujah, dan (b) ilmu Istidlali yang memerlukan bukti atau hujah.*”<sup>16</sup>

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa epistemologi manusia Melayu terdiri daripada beberapa perkara yang utama; pertama, bentuk *Bayani* (bergantung kepada teks wahyu), *Burhani* (bergantung kepada akal) dan *Irfani* (bergantung pada intuisi dan ilham). Ketiga-tiga bentuk ini telah diintegrasikan pemakaiannya oleh manusia Melayu.<sup>17</sup> Kedua; rasionalism dan *emperiscisme* sekaligus. Hal ini jelas terbukti apabila manusia Melayu menekankan kepada menumpukan pembelajaran dengan alam semesta (*Ayat Kawniyyah*) sehingga terhasil teori/hukum alam (konsep adat) yang bersifat kekal (seperti peripatah *biar mati anak jangan mati adat*) dan bersifat *flexible* yang perlu berubah mengikut keperluan semasa (seperti peripatah *sekali air bah sekali pasir pantai berubah*)<sup>18</sup> Ketiga; bentuk penggunaan akal melalui metafora, alegorikal dan rasional. Ia terdiri daripada *Aktual* (potensi dan fitrah yang dimiliki sejak manusia lahir-bersifat tidak berkembang) dan *Muktasab* (diperolehi dengan cara belajar, membaca dan mengkaji-bersifat sentiasa berkembang)<sup>19</sup> dan keempat; bentuk penelitian sesuatu fenomena kehidupan dan alam secara mendalam. Banyak peripatah Melayu tentang konsep sains lahir hasil interaksi akal dengan pengalaman hidup dan alam semesta.<sup>20</sup> Ia dikaji oleh pemikir Melayu secara mendalam dan berulang kali, yang kemudiannya dinukilkan dalam bentuk peripatah untuk dimanfaatkan oleh anggota masyarakat.<sup>21</sup>

**Ketiga**, konsep kearifan tempatan ini juga bertentangan dengan konsep intelektual barat. Hal ini disebabkan oleh perbezaan *world-view* asas antara keduanya. Bagi konsep intelektual barat, seseorang intelek itu digunakan bagi merujuk kepada; pertama, manusia yang menggunakan potensi akal semata-mata tanpa didokong dengan elemen agama, kerana mereka berpegang kepada fahaman Sekularisme yang menolak tuhan, kedua; manusia yang mengambil inisiatif memikirkan masalah masyarakat dan mengemukakan jalan penyelesaian masalah yang difikirkan sesuai dan ketiga; manusia kreatif yang berpegang kepada falsafah Humanisme yang menjadikan kepentingan manusia sebagai teras asas perjuangan.

Berbanding dengan neraca Barat,<sup>22</sup> tradisi golongan arif atau intelektual Melayu- Islam boleh dirujuk kepada golongan ulamak, tua dan pemimpin masyarakat. Mereka biasanya bertindak dalam beberapa kapasiti yang khusus, merangkumi pemikir, pendidik dan mengatur hubungan masyarakat agar menjadi lebih harmonis dan mengelakkan huru hara, manusia Rabbani yang mengaitkan hubungan dengan alam, masyarakat dan Allah. Selain itu, ianya juga sebagai pemikir yang responsif dengan realiti semasa dan pemikir yang berinteraksi dengan alam sehingga melahirkan konsep pengalaman (berguru dan belajar dengan alam). Keempat-empat kapasiti ini boleh dilihat daripada perpatah perpatih, peribahasa, karya kitab Fiqh, mentera dan petua yang dihasilkan oleh golongan ini. Kesemuanya telah dijadikan bahan utama untuk mengajar dan mendidik masyarakat Melayu sejak zaman berzaman.<sup>23</sup>

### Islam Dan Pengukuhan Kearifan Tempatan Melayu

Dalam bahagian ini, akan cuba memetik beberapa formula kearifan tempatan yang mempunyai kaitan dengan ajaran Islam di Alam Melayu. Antaranya adalah:

*Pertama*, penerapan world-view Islam dalam masyarakat Melayu. Ia mengajar orang Melayu tentang makna hidup, kenapa dan ke mana pengakhiran hidup ini. Dalam soal ini, kearifan tempatan ini boleh dikatakan sebagai formula, paradigma dan kepandaian manusia tempatan dalam menghadapi dua dimensi kehidupan, horizontal (hubungan sesama makhluk) dan vertikal (hubungan dengan Pencipta) . Ianya terhasil apabila seseorang manusia mampu memahami dengan pasti maklumat tentang alam makro dan mikro kosmo. Bagi masyarakat Melayu, konsep alam mempunyai hiraknya yang berlapis yang boleh dipelajari mengikut hiraki sumber yang khusus. Terdapat dua realiti kewujudan alam; mikro kosmos (diri manusia) dan makro kosmos (alam sekitar dan alam ghaib). Hiraki kewujudan terbahagi kepada alam nyata dan alam ghaib. Manusia boleh mengetahui kesemua maklumat tentang alam ini bersesuaian dengan sumbernya yang betul. Alam dunia boleh diketahui dengan akal (kajian ilmiah), manakala Alam Ghaib boleh diketahui dengan sumber wahyu setakat yang dibenarkan kecuali zat Allah dan Ruh.<sup>24</sup> Namun begitu, terdapat sesetengah masyarakat Melayu menekankan kepercayaan kepada makhluk halus yang melampau, sedangkan ianya sangat ditegah dalam Islam.

Bagi alam mikro kosmos (diri manusia), ianya terdiri daripada elemen seperti benda, jisim, akal dan ruh. Ianya sesuai dengan hadis yang menyebut tentang penguasaan hati dan akal terhadap seluruh badan. Ia juga termasuk dengan kepercayaan tentang *Maqam* nafsu manusia yang terdiri daripada *Maqam nafsu Amarah*, *Lawamah*, *Mu'mainah* dan *Kamil*.<sup>25</sup>

Untuk alam makro kosmos pula, ia terdiri daripada Alam sekitar, langit dan alam Samawi yang tidak terduga sifatnya. Kewujudan di alam ghaib terdiri daripada Malaikat, jin dan Syaitan. Hasil penelitian yang dibuat oleh Prof. Hashim Musa terhadap tipologi sejarah tamadun alam Melayu, mendapati manusia Melayu pandangan *world-view* yang bersumberkan wahyu Allah.<sup>26</sup> Antaranya, mempercayai alam ini hasil ciptaan dan tabdiran Allah yang

mencakupi alam primordial (arwah), alam dunia dan alam akhirat. Alam akhirat adalah destinasi dan natijah muktamad dari kehidupan di alam dunia. Kejayaan hakiki di alam akhirat adalah dapat memasuki syurga dan kejayaan di alam dunia adalah ketaatan kepada Allah. Ringkasnya, status kearifan tempatan hanya akan dimiliki oleh seseorang pemikiran dari kalangan ahli sufi di kalangan masyarakat Melayu.

*Kedua*, sebagai panduan asas kepada sarjana Melayu-Islam semasa mempelajari pendekatan dakwah mesra budaya yang diaplikasikan oleh para mubaligh Islam yang awal. Walaupun mubaligh awal ini sering dituduh sebagai terlalu bertolak ansur dengan budaya tempatan sehingga menyebabkan timbulnya budaya Islam ala sinkretism,<sup>27</sup> namun semangat dan taktik gerakan dakwah yang dipakai patut dipelajari sepenuhnya oleh pendakwah Islam sekarang.<sup>28</sup> Pendekatan mesra budaya yang diamalkan oleh mubaligh awal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara; pertama, kaedah mengakui keabsahan sesuatu tamadun dan kebudayaan masyarakat dengan sikap yang selektif. Islam pada prinsipnya tidak membawa ideologi ras dan etnik seperti agama Yahudi yang menganggap mereka sebagai bangsa pilihan tuhan.<sup>29</sup> Sebaliknya Islam adalah untuk manusia seluruhnya tanpa menghadkan keanggotaannya kepada bangsa Arab semata-mata.<sup>30</sup> Bersesuaian dengan sifat yang mengakui variasi ras dan budaya sebagai tdana kekuasaan dan kreativiti Allah,<sup>31</sup> antara lainnya Islam mengakui kehebatan dan sumbangan tamadun bukan Arab ke atas kehidupan manusia sejagat. Tanpa mengira bangsa dan tempat, sesuatu tamadun itu harus diterima secara positif dan selektif dengan memanfaatkan apa yang baik dengan tapisan yang teliti agar ianya bersesuaian dengan prinsip-prinsip Tauhid.<sup>32</sup> Kedatangan Islam telah dilihat sebagai tidak menghapuskan banyak bentuk budaya Arab tempatan, tetapi ia telah menerima dan mengekalkan banyak budaya mubah ini ataupun ianya telah melahirkan (sentesis) budaya baru<sup>33</sup> hasil penerapan rapi dengan nilai-nilai Islam.<sup>34</sup> Kedua; kaedah yang mempelajari bahasa, adat, struktur sosial masyarakat Melayu sehingga melahirkan sistem tulisan jawi yang kemudiannya digunakan sebagai alat komunikasi yang utama untuk tujuan penyebaran ilmu-ilmu Islam<sup>35</sup> dan ketiga; kaedah yang mengasaskan institusi pendidikan Islam bagi tujuan mobiliti keilmuan sehingga melahirkan sejumlah besar sarjana Melayu Islam yang mampu bertindak sebagai intelektual ummah dan mampu menghakis sistem sosial Melayu yang bersifat feudalism.<sup>36</sup>

Terpenting sekali, pada masa sekarang, para guru agama daripada semenanjung Malaysia yang bertugas sebagai guru dan pendakwah Islam di Sabah dan Serawak perlu menghayati sirah mubaligh yang awal ini. Hal ini ditegaskan kerana penyebaran agama Islam di Borneo (Sabah dan Sarawak) ini masih lagi terbatas, kerana beberapa kengkangan utama, seperti pengaruh dan persaingan dengan gerakan Kristian yang memang agak aktif menjalankan program kristianisasi di kawasan terbabit. Para guru agama daripada Semenanjung Malaysia perlu meniru pendekatan konsep *Rehlah Ilmiah*<sup>37</sup> (termasuk beberapa ciri budaya ilmu : sentiasa ingin belajar, bertindak mengikut perkiraan ilmu dan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi) Konsep ini

menuntut pelajar sentiasa berusaha keras di dalam menuntut ilmu di pelbagai tempat tempat yang berbeza, bukan setakat untuk menimba ilmu bahkan pengalaman (seperti menyaksikan sosiologi masyarakat yang berbeza). Hasilnya, pengamalan konsep ini akan melahirkan ulama Islam yang mantap dari segi ilmu, akhlak dan pengalaman hidup yang kemudiannya mengikut epistemologi Islam bakal melahirkan hikmah (kebijaksanaan).

*Ketiga*, penerimaan masyarakat Alam Melayu dengan pendekatan mesra alam. Seperti mana ditegaskan oleh Ibn Khaldun bahawa manusia yang ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana akan melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.<sup>38</sup> Hal ini terbukti apabila Islam secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah.<sup>39</sup> Bertepatan dengan teori ini, kita dapat melihat dengan jelas bagaimana hasil daripada pendekatan mesra alam ini telah melahirkan suatu bentuk masyarakat Alam Melayu yang berbeza dengan kawasan lain. Ianya terdiri daripada; pertama, manusia yang mempercayai kewujudan dan bergantung kepada kuasa tuhan yang menguasai sepenuhnya kehidupan manusia di alam nyata dan alam ghaib.<sup>40</sup> Kedua, manusia yang mesra alam dan mementingkan prinsip penjagaan keseimbangan alam semesta. Mereka amat menghormati dan melayani semua makhluk yang wujud di alam semesta ini dengan cara yang baik.<sup>41</sup> Pendekatan mesra alam<sup>42</sup> ini merujuk kepada paradigma yang mempercayai alam sebagai sumber ilmu,<sup>43</sup> rezeki dan pedoman untuk menjalani kehidupan bermasyarakat. Ketiga, manusia yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak.<sup>44</sup> Keempat, manusia yang mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism. Ianya juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi.<sup>45</sup> Pendekatan ini bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing.<sup>46</sup> Kelima, manusia yang memiliki dan mementingkan elemen keindahan dan nilai estetika yang tinggi.<sup>47</sup> Keenam, manusia yang kuat berpegang kepada falsafah yang mementingkan pertimbangan agama dan nilai (*perennial and ultimate perspective*), berbanding dengan masyarakat Barat yang lebih mementingkan persoalan kebendaan dan individualism mengatasi persoalan agama.<sup>48</sup> Ketujuh, manusia yang memiliki kepintaran pemikiran yang cukup advance yang diperincikan dengan empat bentuk pemikiran; (i) Teologis-Rasional, (ii) Alegorikal (simbolik), (iii) Analogis dan pragmatik.<sup>49</sup> Kelapan, mengamalkan sikap terbuka, sanggup belajar dan selektif dengan pengaruh budaya dan agama asing<sup>50</sup> dan kesembilan, memiliki semangat dan ciri-ciri budaya ilmu yang tinggi; terbukti dengan tingginya sifat ingin tahu sehingga melahirkan ilmu Asbab (teori tentang kelahiran sesuatu perkara),<sup>51</sup> menghormati golongan ilmuan yang berpengalaman ( seperti Bomoh kerana memiliki kemahiran berinteraksi dengan makhluk halus) dan sifat yang menganggap semua ilmu bukan milik peribadi tetapi lebih menjadi milik masyarakat.<sup>52</sup>

Pendekatan ini secara langsung bertentangan dengan paradigma Barat yang berteraskan Materialistik-Mekanisme menganggap alam sebagai sumber utama yang berupa material- mekanis semata-mata dan tidak mempunyai nilai spiritual (nyawa) yang perlu bergantung kepada kuasa ketuhanan. Pandangan ini telah melahirkan sifat sekularis dan individualistik yang lebih menjurus kepada mementingkan kebajikan manusia berbanding dengan kebajikan alam sehingga menimbulkan pelbagai masalah ekologi dunia yang amat serious.<sup>53</sup> Hasilnya, berasaskan kepada paradigma ini, dua penekanan telah diberikan;

- 1) Alam dan segala isinya dianggap sebagai sumber utama yang bakal menambahkan kekayaan manusia sekularis- yang perlu diperah hasilnya semaksimum mungkin.
- 2) Alam perlu diteroka dan dikaji mengikut kerangka pemahaman saintifik - materialism-sekularisme agar segala hukumnya yang bersifat praktikal boleh dikaji demi untuk kepentingan manusia moden.

*Keempat*, pemilihan masyarakat Alam Melayu dengan pegangan kepada mazhab Shafi'i dalam kehidupan beragama. Jika dinilai secara kritikal, kita akan mendapati bahawa tindakan berpegang kepada mazhab Shafi'i ini dibuat bukan secara sewenang-wenangnya.<sup>54</sup> Bertentangan dengan pandangan yang memandang negatif terhadap amalan bermazhab, kita sepatutnya mengamalkan sikap positif dan selektif terhadap amalan bermazhab.<sup>55</sup> Secara kasarnya, mazhab adalah merupakan paradigma<sup>56</sup> berfikir masyarakat Islam mengikut *world-view* dan kaedah syariah yang diasaskan oleh seseorang fuqaha tertentu. Ianya lahir daripada tradisi Islam sendiri dan bukannya berasal daripada pengaruh asing seperti didakwa oleh orientalis barat.<sup>57</sup> Ianya merupakan kemuncak dari satu proses pembentukan *world-view* yang panjang. *World-view* adalah pandangan dunia, hidup, kepercayaan dan pemikiran yang berfungsi sebagai pemankin untuk segala perilaku manusia.<sup>58</sup>

Mengikut Hamid Zarkashi, *world-view* Islam adalah: *visi tentang realiti dan kebenaran, berupa kesatuan pemikiran yang arsitektonik, yang berperanan sebagai asas yang tidak nampak (non-observable) bagi semua perilaku manusia, termasuk aktiviti ilmiah dan teknologi.* Antara elemen asas untuk *world-view* Islam terdiri dari konsep tuhan, wahyu dan penciptaannya, psikologi manusia, ilmu, agama, kebebasan, nilai dan kebajikan dan kebahagiaan. Elemen-elemen inilah yang kemudiannya yang menentukan bentuk perubahan (*change*), perkembangan (*development*) dan kemajuan (*progress*) dalam Islam.<sup>59</sup>

Berasaskan kepada paparan di atas, dapat kita rumuskan bahawa pegangan umat Islam terhadap Mazhab Shafi'i bukanlah sesuatu amalan dan paradigma yang salah dalam pengamalan ajaran Islam, tetapi ianya merupakan formula yang bersifat *flexible* yang memberikan garis panduan terhadap setiap persoalan yang muncul dalam kehidupan manusia. Untuk konteks realiti Alam Melayu, amalan berpegang kepada mazhab Shafi'i boleh dianggap sebagai masih relevan lagi. Ianya dibuat kerana beberapa faktor yang utama; pertama, ianya menetapkan kalangan ulamak sebagai pentafsir utama kepada ajaran agama. Hal

ini boleh dirujuk kepada keabsahan konsep Taqlid dan ijtihad. Dalam konsep taqlid, ianya mengharuskan masyarakat awam untuk bertaqlid kepada seseorang mujtahid, berasaskan kepada nisbah ketidakmampuan seseorang awam untuk memahami ajaran agama Islam secara mendalam.<sup>60</sup> Sikap yang hanya bergantung sepenuhnya kepada prinsip Taqlid ini kemudiannya cuba dibataskan dengan penerimaan kepada konsep ijtihad dan Tajdid. Kedua, pendekatan ini ditetapkan bukannya bertujuan untuk memonopolikan usaha pentafsiran agama kepada golongan ulamak semata-mata, tetapi ianya dibuat bagi mengelakkan sebarang tindakan rakus daripada masyarakat awam yang jahil tentang prinsip asas Islam, melakukan tafsiran melulu dan boleh merosakkan nama baik Islam itu sendiri. Ketiga, faktor perpaduan dan keseragaman diperlukan bagi memastikan wujudnya kestabilan hidup sosio-politik umat Islam. Hal ini kemudiannya bakal memudahkan proses penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam dijalankan.<sup>61</sup> Hal ini boleh dikatakan sebagai asas perpaduan umat Melayu sehingga tidak wujudnya perbalahan dan fanatik mazhab yang menimbulkan pertumpahan darah seperti mana berlaku di tempat-tempat lain. Keempat, kita perlu mengamalkan sikap selektif terhadap pemikiran barat yang kerap menisbahkan penerimaan amalan bermazhab ini dengan istilah tradisionalisme, suatu nisbah yang hina. Paparan negatif ini sepatutnya tidak diterima secara melulu dan perlu dinilai secara berhikmah.<sup>62</sup> Bagi penganut Islam, kita tidak boleh menganggap istilah tradisi membawa nisbah negatif seperti difahami dalam dunia akademik Barat. Sebaliknya, istilah tradisionalism ini patut dibanggakan kerana ianya merujuk kepada pemahaman dan penghayatan wahyu Allah di dalam kehidupan yang mencakupi tiga aspek;<sup>63</sup> (i) *Al-Din*, agama sebagai panduan untuk keseluruhan aspek kehidupan membabit tiga bentuk hubungan, dengan Allah, Mahkluk dan alam; (ii) al-Sunnah, amalan yang terbentuk dan berkembang berdasarkan model *sacral* (berasaskan wahyu) sehingga menjadi amalan kebudayaan masyarakat yang berpanjangan; (iii) Salasilah, mata rantai yang menghubungkan setiap zaman dan pemikiran kepada asasnya yang utama, wahyu Allah. Kelima, kita patut menghargai *precedent* silam yang disumbangkan oleh mazhab Shafi'i di Alam Melayu. Seperti mana direkodkan dalam catatan sejarah, walaupun kedatangan Mazhab Shafi'i di Alam Melayu agak lewat berbanding dengan Mazhab Syiah, namun kemudiannya mazhab ini telah mampu mengatasi mazhab Syiah dan meninggalkan pelbagai elemen positif jangka panjang kepada masyarakat Alam Melayu. Hal ini berlaku kerana beberapa faktor utama; pertama, sifat Mazhab Shafi'i yang berupa paradigma sentesis di antara pandangan *Ahl Ray' dan ahli hadis*. Ianya lebih adaptif dengan budaya tempatan Melayu. Mubaligh Shafi'i yang awal telah mengamalkan sikap mesra budaya yang mendapat dokongan penguasa politik serta kemudiannya mampu menyebarkan ajaran Islam secara cukup berkesan di Alam Melayu.<sup>64</sup> Hal ini boleh dilihat daripada kesannya di dalam *Legal Digest* Melayu seperti Hukum Kanun Melayu<sup>65</sup> dan penyerapan nilai-nilai Islam di dalam sistem adat Melayu sehingga melahirkan ungkapan *Adat bersendikan Hukum, hukum bersendikan Kitabullah*.<sup>66</sup> Kedua, gabungan antara paradigma Sufi dan Fiqh (Neo-Sufism) di dalam Mazhab Shafi'i - memberi kesan langsung kepada kepesatan proses pengislaman



masyarakat Alam Melayu.<sup>67</sup> Tidak seperti mazhab selain Shafi'i yang mengamalkan sikap negatif terhadap paradigma sufi, pendekatan ini tidak kedapatan dalam sejarah Alam Melayu.<sup>68</sup> Ketiga, Fuqaha Mazhab Shafi'i telah mengasaskan sistem pendidikan Islam yang lebih sistematik di rantau Alam Melayu.<sup>69</sup> Hal ini merujuk kepada pengenalan sistem Pondok yang mengandungi pasarana fizikal yang khusus, falsafah pengajian, struktur organisasi, susunan jadual waktu, kurikulum dan kaedah penilaian yang cukup sistematik.<sup>70</sup>

*Kelima*, pengaruh Islam sebagai asas untuk formula pembangunan modal insan (pendidikan insan sejati) dalam masyarakat Melayu.<sup>71</sup> Dalam masyarakat Melayu, elemen ini amat dipentingkan yang dikenali dengan *konsep menjadi orang*.<sup>72</sup> Hal ini antara lainnya dapat diperincikan, pertama, sebagai manusia Melayu-Islam mempercayai bahawa seseorang manusia ataupun orang (bagi membezakannya dengan makhluk lain seperti haiwan dan jin) terbentuk daripada tiga elemen yang utama, roh, jasad dan akal yang perlu dibangunkan secara bersepadu di dalam program pembangunan masyarakat.<sup>73</sup> Hal ini bertepatan dengan fakta bahawa agama Islam telah menjadi sumber jati diri dan tenaga penggerak utama ke arah pembaikan manusia Melayu.<sup>74</sup> Kedua, proses pendidikan masyarakat lebih berteraskan kepada institusi kekeluargaan yang perlu memainkan peranan terpenting untuk pembentukan orang yang berguna. Ianya menonjolkan neraca dan sifat manusia terbaik (idola) yang berasaskan kepada konsep budi bahasa Melayudan bukannya seperti mana difahami oleh masyarakat moden semasa. Mengikut kaca mata masyarakat Melayu silam, orang yang dianggap mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi dan dipandang mulia dalam masyarakat akan dinamakan sebagai orang yang **BUDIMAN**; merujuk kepada orang yang mempunyai budi pekerti, budi bahasa, budi bicara, akal budi dan adab sopan yang tinggi dan mulia.<sup>75</sup> Secara lebih mendalam lagi, ciri-ciri budiman ini dapat diperjelaskan;

- **Budi pekerti dan adab sopan yang mulia** – tingkah laku, keperibadian, fiil perangai dan tindak tanduk yang baik, sopan santun, sesuai, wajar, pemurah, penyayang dan penuh menyumbang dan bermanfaat kepada masyarakatnya.
- **Budi bahasa dan budi bicara** – pertuturan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada khalayak dan pendengarnya.
- **Akal budi dan hati budi** – akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan dan kebaikan.

Ketiga, mementingkan kaedah penyemaian adab bagi menjamin sistem hiraki dalam kehidupan bermasyarakat berjalan dengan baik. Mengikut kajian Hashim Musa yang dibuat terhadap karya Raja Ali Haji, terdapat 9 kaedah penyemaian adab dalam masyarakat Melayu, yang dirasakan masih relevan lagi pada masa sekarang. Ianya terdiri dari;<sup>76</sup>

- Adab kepada Allah.
- Adab orang berilmu.

- Adab menuntut ilmu.
- Adab dengan ibubapa
- Adab dengan ahli keluarga.
- Adab dengan sanak saudara dan sahabat handai.
- Adab pada orang yang dikenali.
- Adab pembesar negeri yang hamper dengan raja.
- Adab dalam pergaulan.

Apa yang jelasnya, kesemua adab-adab ini telah diperincikan dengan cukup detail oleh Raja Ali Haji, bagi tujuan memudahkan masyarakat Melayu silam memahami dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian. Kepentingan hal ini amat ketara sekali pada zaman sekarang, memandangkan sesetengah kalangan masyarakat khususnya generasi muda, pemimpin dan keluarga<sup>77</sup> yang dikesan telah mula dihidapi sindrom kehilangan adab, yang menyebabkan segala bentuk hubungan dan proses interaksi di antara hiraki masyarakat menjadi keliru.<sup>78</sup> Seterusnya hal ini telah menimbulkan pelbagai masalah social, politik dan ekonomi yang agak kronik.<sup>79</sup> Keempat, dalam amalan praktikal, system adab Melayu yang amat mementingkan kewujudan hidup masyarakat yang berteraskan kerukunan. Hasil kajian yang dibuat terhadap sifat kesantunan (sifat pergaulan dan komunikasi yang baik dan mengelakkan pertelingkahan) masyarakat Melayu mendapati bagaimana masyarakat Melayu bukan setakat mementingkan soal kesantunan ini secara teoritikal semata-mata, bahkan turut disertai dengan pelan tindakan yang cukup komprehensif. Hal ini perlu dipelajari dan diterapkan secara berhemah dalam pendidikan moral. Antara strategi kesantunan masyarakat Melayu adalah<sup>80</sup> berasaskan sifat ikhlas, sifat merendah diri, mementingkan sifat maaf dan ucapan terima kasih, mencari alasan yang munasabah, mempergunakan sumber rujukan Islam sebagai dalih untuk menolak sesuatu permintaan dan mempergunakan ungkapan Rabbani (unsur Islam). Kelima, mementingkan pemahaman dan pemakaian konsep ilmu berteraskan prinsip Islam (ilmu ketuhanan, ilmu keduniaan dan ilmu akhirat) di dalam kehidupan manusia. Tiga komponen ilmu ini kemudiannya melahirkan *world-view* manusia Melayu, yang memberikan penekanan bahawa semua amalan manusia di dunia akan dihisab secara ketat di hari Akhirat kelak.<sup>81</sup> Sebagai contohnya, Syekh Abdul Samad al-Falembani telah menerangkan tentang peranan ilmu yang patut dipelajari oleh manusia Melayu; “ Bermula ilmu yang memberi manafaat itu iaitu (1) barang yang menambahkan takutmu pada Allah, (2) menambah pula dalam penglihatan hatimu tentang kecelaan dirimu, (3) menambah pula dalam pengenalanmu akan ibadat kepada tuhanmu, (4) mengurangkan kegemaranmu kepada dunia dan menambahkan kegemaranmu kepada Akhirat, (5) membukakan mata hatimu dengan mengenali apa yang membinasakan ilmu yang dengan itu kamu memeliharanya daripada kebinasaan dan (6) mengawas atasnya (ilmu itu) daripada tipu daya syaitan.”<sup>82</sup>

**Keenam**, pengaruh Islam dalam pembentukansistem etos kerja dan kepimpinan Melayu. Dalam konteks dunia moden, sistem etos kerja sering dikaitkan dengan doktrin Prostant Christian ethic - yang mengalakkan umat kristian barat bukan setakat berusaha mencari rezeki untuk kepentingan dunia, tetapi juga didorong oleh galakan mendapat ganjaran pahala daripada agama kristian Mazhab protestant.<sup>83</sup> Mazhab Calvinisme yang menekankan penggunaan motivasi keagamaan untuk manusia berusaha keras mencari kekayaan dunia. Begitu juga, penonjolan turut ditumpukan kepada fahaman dan agama lain di sebelah timur,<sup>84</sup> tanpa sedikit pun mengambilkira sumbangan yang memang kedapatan dalam sosiologi manusia Melayu. Dalam pemahaman manusia Melayu, sistem etos kerja ini boleh dikesan terdiri dari; pertama, mementingkan peranan pekerjaan dalam kehidupan manusia Melayu- membahagikan kerja kepada dua jenis, kerja memerahkan tenaga dan otak. Sesuatu pekerjaan manusia dikaitkan dengan maruah bila mana seseorang yang mempunyai kekayaan akibat daripada usaha kerja keras akan mendapat perhormatan yang tinggi di dalam masyarakat. Begitu juga halnya seseorang akan dihina oleh masyarakat seandainya mengamalkan sifat malas dan enggan untuk berusaha di dalam sesuatu pekerjaan.<sup>85</sup> Kedua; mementingkan penghasilan kerja yang cemerlang dinilai dari segi kadar kesungguhan fizikal dan mental, seperti sifat amanah, setia, malu, timbangrasa, muafakat, gotong royong, persefahaman dan sebagainya.<sup>86</sup> Ketiga; mementingkan usaha penambahbaikan sesuatu mutu kerja merangkumi<sup>87</sup> elemen motivasi kerja (*di mana ada kemahuan, di situ ada jalan* - apabila ada kemahuan pasti akan tercapai tujuan, *sekali lancung ke ujian, seumur hidup orang tidak percaya* - kebaikan akan dibuat hilang oleh kesalahan yang dilakukan hanya sekali, *sekepal demi sekepal* - kepentingan berjimat cermat ; sedikit demi sedikit, lama-lama menjadi banyak), keperluan memahami dan mempelajari situasi serta keilmuan baru yang berkaitan dengan organisasi pekerjaan (*lain padang, lain belalang* - keperluan mengetahui bahawa lain daerah lain kebiasaan; kepentingan menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja, *pandai meneliti zaman beralun*-keperluan pandai membaca perkembangan zaman akan mencapai kejayaan dan menjadi maju), mementingkan masa (*waktu adalah wang*- setiap aktiviti yang menggunakan waktu yang baik pasti akan menghasilkan wang, *beribu ke waktu, bertapak ke zaman* - berwawasan sesuai dengan perkembangan zaman), elemen meningkatkan mutu sesuatu kerja (*bumi mana tidak kena hujan* - setiap manusia pasti mempunyai kesalahan), elemen pengurusan konflik dalam organisasi (*bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat; penghulu beraja ke muafakat, muafakat beraja kepada yang benar; ibu hukum muafakat, ibu adat muafakat* - kepentingan berkerja secara berpasukan dan menyelesaikan sebarang konflik secara bersama dan merujuk kepada prinsip-prinsip Islam).

Merujuk kepada elemen kepimpinan Melayu, keunggulan formula pembangunan modal insan manusia Melayu cukup terserlah apabila memberikan kupasan yang mendalam tentang isu kepimpinan.<sup>88</sup> Hal ini dapat diperincikan dengan beberapa penjelasan utama; pertama, kriteria sebenar untuk seseorang pemimpin, yang biasanya seorang yang berusia, berpengalaman dan prihatin

dengan keadaan orang yang dipimpin (seperti akrab dengan orang yang dipimpin dan sedar dengan tanggungjawab yang terpaksa dipikul)

- Pemimpin sebagai seorang yang dituakan;  
*Yang didahulukan selangkah*  
*Yang ditinggikan seranting*  
*Yang dilebihkan serambut*  
*Yang dimuliakan sekuku*
- Pemimpin yang akrab dengan orang dipimpin;  
*Yang diberikan kepercayaan*  
*Yang diberikan kekuasaan*  
*Yang diberikan beban berat*  
*Yang dikemukakan oleh rakyatnya*  
*Yang dimuliakan oleh kaumnya*  
*Yang didudukkan pada patutnya*  
*Yang ditegakkan pada layaknya*  
*Yang dikukuhkan dengan adatnya*

Kedua, keperibadian khusus yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin;

